

Pelajaran Komunis

Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, di dalam ucapannya, dikatakan telah berkata bahawa dalam masa yang akan datang beliau akan merancang supaya pengajaran-pengajaran Komunis diajarkan di sekolah-sekolah di Persekutuan Tanah Melayu.

Maksud beliau, dengan pengajaran Komunis ini harus supaya anak-anak kita di masa hadapan mengerti apa pelajaran itu, buruk baiknya, dan dengan demikian kelak, dengan pengertian yang ada kepada mereka bolehlah mereka menjauhkan diri daripadanya – tidak mereka semata-mata terikut-ikut sahaja.

Jika benar telahan kita atas pendapat beliau itu maka wajiblah bagi kita mengkaji untung dan rugi sesuatu itu sebelum kita jalankan. Mempelajari sesuatu sekadar untuk sesuatu pengertian, terutamanya bagi pemuda-pemuda molek terlebih dahulu sebelum diajarkan pengertian Komunis itu disediakan bahan-bahan yang menjauhkan dirinya daripada bahaya-bahaya Komunis itu kerana jika belum ada sesuatu penahan bagi dirinya sudah barang tentu harus penyakit Komunis itu akan memasuki jiwanya dan apabila keyakinan ini telah mendalam maka cita-cita hendak memberi pengajaran supaya menjauhkan Komunis dengan faham sungguh-sungguh tentang bahaya Komunis akan membawa suatu hal yang hasilnya tidak akan membawa faedah bahkan menjadi sebaliknya – bahaya Komunis akan bertambah besar di negeri ini.

Kalau terjadi yang demikian ini maka yang akan menderita dengan bahaya-bahaya Komunis itu ialah orang-orang

Islam. Kita katakan umat Islam menderita ialah disebabkan pemuda-pemuda kita mudah sekali kelak terpengaruh dengan ajaran itu kerana sepanjang yang ada sekarang ajaran-ajaran agama Islam kepada kanak-kanak kita belum ada yang boleh dikatakan sudah meresap di dalam jiwa mereka. Mereka hanya diajar sekadar melepaskan perkara-perkara beribadat sahaja sedang pengajaran-pengajaran jiwa tauhid yang kuat belum ada. Dengan tidak adanya jiwa tauhid itu mudah benar faham mereka akan terbalik kerana dengan tidak ada pengertian agama ditanamkan kepada mereka – dan terus sahaja diajarkan dengan ajaran-ajaran lain tentunya mereka akan meninggalkan agamanya – bahkan memusuhi agamanya kelak.

Hal ini dapat dilihat daripada pemuda-pemuda kita angkatan baharu. Mereka telah banyak jadi orang kiri, lebih faham tentang tujuan dan cita-cita Komunis serta Sosialis daripada agamanya – dan sebab itu timbullah di dalam masyarakat kita daripada orang-orang kita sendiri mencemikkan agama mereka. Ini tidak dapat disalahkan kerana mereka hanya belajar membaca *bismi' Llāh* sahaja – diajar cara-cara sembahyang sahaja dengan tidak ada tarikan yang menggemarkan mereka kepada berbuat demikian.

Oleh yang demikian kita berharap kepada menteri pelajaran semoga menimbang semula rancangan itu. Kita menganjurkan supaya dijalankan dahulu pelajaran-pelajaran agama seluas-luasnya seperti yang dirancangan itu dengan mengadakan kitab-kitab agama yang boleh menghidupkan jiwa mereka sebagai Islam tulen baharu kelak, kalau dirasa perlu diberikan pengertian ajaran lain, untuk sekadar pengetahuan yang menjadikan mereka boleh membanding. Mudah-mudahan hal ini akan diperhatikan oleh beliau.